



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 13 Tahun 2018

GARIS PANDUAN KEMUDAHAN PERUBATAN UNTUK IBU BAPA YANG SAH KEPADA PESARA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) YANG BERPENCEN

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai garis panduan kemudahan perubatan untuk ibu bapa yang sah kepada pesara Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang berpencen.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah mengumumkan mengenai pemanjangan kemudahan perubatan untuk ibu dan bapa yang sah (legal parents) dari segi undang-undang kepada pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berpencen semasa pembentangan Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017.

- i. Peraturan dan tatacara pelaksanaan kemudahan perubatan bagi ibu bapa pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berpencen adalah sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Perintah Am Bab F 197 4 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009. Namun begitu, apabila seseorang pegawai tersebut telah bersara, ibu bapa mereka tidak lagi layak menerima kemudahan perubatan seperti sebelumnya.
- ii. Selaras dengan hasrat untuk mengurangkan beban kewangan dan menjaga kebijakan pesara, Kerajaan telah bersetuju supaya kemudahan perubatan bagi ibu bapa pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berpencen ditambah baik.

- iii. Mesyuarat Sumber Manusia (MSM) Bilangan 22 Tahun 2018 pada 25 Januari 2018 bersetuju memperakukan Surat Edaran (Ruj:JPA.800-6/2/109(2)) Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 22 Disember 2017 mengenai Garis Panduan Kemudahan Perubatan untuk Ibu Bapa yang Sah kepada Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berpencen berkuatkuasa 1 Januari 2018.
- iv. Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-162 pada 31 Januari 2018 bersetuju meluluskan Garis Panduan Kemudahan Perubatan untuk Ibu Bapa yang Sah kepada Pesara Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang berpencen berkuatkuasa 1 Januari 2018.

PELAKSANAAN

3. Kemudahan perubatan kepada ibu bapa yang sah sebagaimana yang diperuntukan dalam Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 adalah dipanjangkan kepada ibu bapa pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berpencen tertakluk kepada pematuhan syarat berikut:

- i. Ibu bapa yang sah bererti ibu bapa kandung atau ibu tiri atau bapa tiri atau ibu bapa angkat yang pertalian kekeluargaan adalah sah di sisi undang-undang. Kemudahan ini dihadkan kepada seorang ibu yang sah dan seorang bapa yang sah sahaja pada satu-satu masa;
- ii. Ibu bapa yang sah yang merupakan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berpencen boleh memilih untuk menggunakan kemudahan rawatan perubatan mengikut kelayakannya sebagai seorang pesara yang berpencen atau menggunakan kelayakannya sebagai ibu bapa pesara yang berpencen;
- iii. Bahagian Saraan dan Kemudahan akan mengeluarkan surat pengesahan seperti di Lampiran A, atas permohonan pesara yang berpencen atau ibu bapa yang sah kepada pesara yang berpencen, untuk dikemukakan kepada hospital/ Klinik Kerajaan yang berkenaan semasa ibu bapa yang sah ingin mendapatkan kemudahan perubatan. Proses permohonan boleh dirujuk di Lampiran B;
- iv. Kelayakan kemudahan perubatan yang dibenarkan kepada ibu bapa pesara yang berpencen termasuk rawatan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB) adalah

- sama sebagaimana yang dibekalkan kepada ibu bapa pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berpencen seperti yang tertakluk di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 - Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan dan pindaan dari semasa ke semasa;
- v. Kelayakan wad bagi ibu bapa yang sah adalah ditentukan berdasarkan kelayakan yang ditetapkan kepada pesara yang berpencen; dan
 - vi. Kemudahan perubatan di bawah garis panduan ini tidak meliputi rawatan kepada ibu bapa yang sah seperti berikut:
 - a) rawatan perubatan di luar negeri;
 - b) rawatan bagi tujuan pencegahan penyakit
 - c) pembekalan semua jenis/ kategori alat; dan
 - d) rawatan membuat *crowning*, gigi palsu dan rawatan ortodontik bagi tujuan *corrective measure* yang merupakan rawatan kosmetik.

Bagi pegawai yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan atau pesara yang meninggal dunia, ibu bapa pegawai/ pesara tersebut adalah layak untuk mendapatkan kemudahan perubatan ini.

TARIKH DIKELUARKAN

- 4. Pekeliling dikeluarkan pada 1 Mac 2018

TARIKH KUAT KUASA

- 5. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018.



AZIDA AZMI

Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan Fakulti
Semua Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 13/2018)

LAMPIRAN A

Ruj. Kami : _____

Tarikh : _____

SURAT PENGESAHAN DIRI DAN PENGAKUAN PESARA

Pengarah/ Pegawai Perubatan Hospital/ Klinik Kerajaan

Tuan,

Disahkan bahawa penama di bawah adalah merupakan seorang pesara Kerajaan yang berpencen:

Nama Pesara : _____

No Kad Pengenalan : _____

Jenis Perkhidmatan : _____

Kelayakan Kelas Wad : _____

2. Ibu bapa pesara berkenaan seperti butiran di bawah memerlukan rawatan: Nama bapa kandung/tiri/angkat*

No. Kad Pengenalan : _____

Nama ibu kandung/tiri/angkat* : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Sekian, terima kasih.

Bahagian Saraan dan Kemudahan

b.p. Pendaftar UiTM

* Potong yang mana tidak berkenaan

PROSES PERMOHONAN KEMUDAHAN PERUBATAN BAGI IBU BAPAA PESARA

